

D493

U B013 AAB
KEMUNCAK - MAKAN MALAM

I

KUALA LUMPUR, 3 JUN (BERNAMA) -- KUMPULAN 15 NEGARA MEMBANGUN (G-15) TIDAK BERPAKAT BAGI APA-APA TUJUAN YANG BURUK APABILA MEREKA MENGADAKAN PERSIDANGAN KEMUNCAK SULUNG MEREKA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI SINI MALAM INI.

+WALAUPUN KAMI PEMIMPIN NEGARA-NEGARA DI SELATAN, KAMI BUKAN BERSIDANG SEMATA-MATA SEBAGAI PEMIMPIN YANG DIAKUI DI SELATAN ATAU SEBAGAI JURUCAKAP MEREKA YANG DILANTIK,+ TEGAS BELIAU PADA MAKAN MALAM BAGI MERAIKAN KETUA-KETUA PERWAKILAN KE PERSIDANGAN ITU DI HOTEL SHANGRI-LA DI SINI.

KATANYA, G-15 CUMA SEKUMPULAN NEGARA YANG MEMPUNYAI FIKIRAN YANG SERUPA YANG BERKUMPUL UNTUK MELIHAT SAMA ADA MEREKA BOLEH MEMULAKAN PROSES KE ARAH KERJASAMA SELATAN-SELATAN YANG NYATA DAN MEMBERI MANFAAT BERSAMA.

+KAMI TIDAK MEMPUNYAI AGENDA SULIT ATAU APAPA NIAT TERSEMBUNYI DALAM MENGADAKAN PERSIDANGAN INI,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU BERKATA G-15 BERHARAP PROSES ITU AKAN MEMBERI TENAGA BARU KEPADA KERJASAMA YANG SANGAT DIINGINI ITU. -- LAGI.

2155MST 03 06 90

D501

U B018 AAB
KEMUNCAK - MAKAN MALAM 2 KUALA LUMPUR

KATANYA= +SAYA FIKIR KAMI MEMPUNYAI KEDUDUKAN YANG BAIK BAGI KERJASAMA INI, MEMANDANGKAN KAMI DATANG DARIPADA SEMUA PELUSUK SELATAN DAN MENJADI ANGGOTA INDIVIDU HAMPIR SETIAP PERKUMPULAN POLITIK DAN EKONOMI DI SELATAN DARI ASEAN KEPADA INISIATIF LEMBANGAN CARIBBEAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KETUA-KETUA PERWAKILAN TELAH MENKAJI SEMUA LANGKAH PRAKTIKAL BAGI KERJASAMA YANG MENJADI OBEJEKTIF UTAMA PERSIDANGAN DAN MENAMBAH KATA APA YANG TINGGAL IALAH BAGI NEGARA-NEGARA YANG TERBABIT MENYEMAI IDEA INI DENGAN KEAZAMAN POLITIK BAGI MEMBOLEHKAN IA MENJADI SATU KENYATAAN.

+BERDASARKAN PERBINCANGAN KAMI BEBERAPA HARI INI, BOLEH SAYA KATAKAN BAHAWA KEAZAMAN POLITIK MEMANG SUDAH AGAK NYATA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA MEMANG ADA BIDANG YANG DIPERTIKAIKAN TETAPI ITU ADALAH PERKARA BIASA DAN BOLEH DIJANGKA, TERUTAMA PADA PERTEMUAN PERTAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BAGAIMANAPUN, +ADALAH PENTING KAMI MEMULAKAN PROSES MENYELARASKAN USAHA KITA BAGI Mencari PENYELESAIAN DAN JALAN UNTUK MEMIKUL TANGGUNGJAWAB SELATAN DALAM MENYOKONG DASAR-DASAR YANG TIDAK DAPAT KITA LAKUKAN DENGAN JAYANYA SECARA INDIVIDU.+

BELIAU BERKATA +PENGALAMAN YANG KAMI PEROLEHI DARIPADA MENGANJURKAN KEJOHANAN INI TELAH MEYAKINKAN KAMI LEBIH DARIPADA BIASA BAHAWA PERBEZAAN KEBUDAYAAN, BAHASA DAN JUGA POLITIK DAN SOSIAL BUKAN HALANGAN BESAR BAGI KERJASAMA.+ -- LAGI.

2213MST 03 06 90

D504

U B021 AAB
KEMUNCAK - MAKAN MALAM 3 KUALA LUMPUR

PRESIDEN YUGOSLAV DR BORISAV JOVIC, KETIKA BERUCAP BAGI PIHAK PERWAKILAN ASING BERKATA PEMILIHAN MALAYSIA SEBAGAI TUAN RUMAH PERSIDANGAN SULUNG ITU ADALAH TEPAT KERANA IA TELAH BANYAK MENUNJUKKAN CONTOH BAIK DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

KATANYA PERUBAHAN CEPAT DI DUNIA INI MEMERLUKAN MASYARAKAT ANTARABANGSA TERUTAMANYA NEGARA MEMBANGUN BEKERJASAMA BAGI MENYELESAIKAN MASALAH YANG MEREKA HADAPI.

BELIAU YAKIN PERSIDANGAN YANG BARU TAMAT ITU AKAN MEMBUKA JALAN BAGI KERJASAMA SELATAN-SELATAN YANG LEBIH BESAR.

+IA AKAN MEMBOLEHKAN SELATAN MERANCANG LANGKAH KONKRIT BAGI MENGGUNAKAN SEPENUHNYA POTENSI MEREKA,+ KATANYA.

DR BORISAV JUGA MENYATAKAN PENGHARGAAN KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH DAN RAJA PERMAISURI AGONG TUANKU BAINUN SERTA KERAJAAN DAN RAKYAT MALAYSIA KERANA LAYANAN MESRA YANG DIBERIKAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA DAN MENTERI-MENTERI KABINET TURUT HADIR. -- BERNAMA.

2218MST 03 06 90